

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Aras 15, No. 2, Menara 2

Jalan P5/6, Presint 5

62200 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 03-8870 6000

Faks : 03-8870 6814

Laman Web : <http://www.mohe.gov.my>

Fail Rujukan : KPT.500-3/4/3 ( 33 )

Tarikh : 7 Disember 2016

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI EDUCATION MALAYSIA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin mempelawa calon-calon daripada Warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan/ Perkhidmatan Awam Negeri/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Education Malaysia (EM), KPT seperti berikut:

Bil.	Jawatan
1	Pengarah Gred 52/54 (Terbuka) di EM Washington
2	Pengarah Gred 48 (Terbuka) di EM Ho Chi Minh City
3	Pegawai Gred 48 (Terbuka) di EM Indonesia
4	Atase Pendidikan Gred 41/44 (Terbuka): <ul style="list-style-type: none"><li>• EM London</li><li>• EM Australia</li><li>• EM Mesir</li><li>• EM Washington</li><li>• EM Chicago</li><li>• EM Jordan</li><li>• EM New Zealand</li></ul>
5	Atase Pendidikan (Agama) Gred 41/44 (Terbuka): <ul style="list-style-type: none"><li>• EM Australia</li><li>• EM Washington</li><li>• EM Mesir,</li></ul>

3. Berikut adalah **syarat-syarat umum** permohonan:

- i. pegawai terdiri daripada warganegara Malaysia;
- ii. pegawai telah dilantik tetap dan disahkan dalam perkhidmatan;
- iii. mempunyai prestasi kerja di tahap 85% dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga tahun berturut-turut (Tahun 2013, 2014 dan 2015);
- iv. mempunyai kompetensi yang sesuai dengan bidang tugas yang dipohon;
- v. bebas daripada sebarang tindakan tatatertib; dan
- vi. pegawai dan ahli keluarga (jika berkaitan) mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan.

4. Berikut adalah **syarat-syarat utama**:

- i. **Pengarah/ Pegawai Gred 52/54 (Terbuka)**
  - terdiri daripada pegawai yang berada di **Gred 47/48 hingga Gred 53/54 atau setaraf.**
- ii. **Pengarah/ Pegawai Gred 48 (Terbuka)**
  - terdiri daripada pegawai yang berada di **Gred 43/44 hingga Gred 47/48 atau setaraf.**
- iii. **Atase Pendidikan Gred 41/44 (Terbuka)**
  - terdiri daripada pegawai yang berada di **Gred 41/44 atau setaraf.**
- iv. **Atase Pendidikan (Agama) Gred 41/44 (Terbuka)**
  - terdiri daripada pegawai yang berada di **Gred 41/44 atau setaraf;**
  - pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan sumbangan dalam bidang berkaitan bimbingan agama islam.
- v. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) apabila dipinjamkan ke **gred lebih tinggi** hendaklah **telah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang daripada lima (5) tahun** kecuali:
  - memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Doktor Falsafah, tidak kurang daripada dua (2) tahun;** atau
  - memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Sarjana, tidak kurang daripada tiga (3) tahun;**
- vi. mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kerajaan dan baki perkhidmatan sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum mencapai tarikh persaraan wajib;
- vii. mempunyai pengalaman dalam tugas pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan aset, promosi dan pemasaran serta jaringan kolaborasi antarabangsa;

- viii. mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris dengan kelululusan **IELTS sekurang-kurangnya band 6.5 (salinan keputusan IELTS perlu dikemukakan sebagai prasyarat sekiranya ditawarkan jawatan)**; dan
  - ix. penguasaan bahasa rasmi negara yang dipohon adalah satu kelebihan.
5. Keutamaan diberi kepada pemohon-pemohon berikut:
- i. mempunyai perwatakan dan peribadi yang sesuai sebagai seorang Pegawai Perwakilan Luar Negeri, berdikari dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum;
  - ii. mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang jenis kerja yang perlu dilaksanakan seperti pengurusan dan pentadbiran pejabat, hal ehwal pelajar, pengurusan kewangan, akaun, tugas promosi dan pemasaran serta jaringan kolaborasi antarabangsa; dan
  - iii. berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Inggeris serta bahasa rasmi negara yang dipohon.

## 6. Cara Memohon

- i. semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan KPT.S.500/8/2/6 Jld.6 [pindaan 2014] yang boleh dimuat turun melalui laman web Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu **www.mohe.gov.my**;
- ii. permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut:
  - a. senarai tugas pegawai terkini;
  - b. satu (1) salinan maklumat peribadi (*resume*) yang terkini beserta pengalaman perkhidmatan mengikut susunan tarikh daripada yang terkini;
  - c. satu (1) salinan Sijil/ Diploma/ Ijazah yang berkaitan yang disahkan;
  - d. satu (1) salinan Laporan Pengisytiharan Harta yang disahkan oleh Ketua Jabatan;
  - e. satu (1) salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang lengkap (bermula perkhidmatan sehingga yang terkini); dan
  - f. satu (1) salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (Tahun 2013, 2014 dan 2015).
- iii. semua permohonan yang lengkap diisi beserta dokumen-dokumen yang diperlukan dan **hendaklah disokong dan dikemukakan melalui Ketua Jabatan (*covering letter*)** kepada:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 15, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**  
**(u.p: Urusan Pengambilan EM)**

7. **Tarikh Tutup Permohonan:**

Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **21 Disember 2016 (Rabu)**. Permohonan yang **tidak lengkap dan lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

8. **Temu duga**

Hanya calon yang layak dan disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh **satu (1) tahun** daripada tarikh tutup permohonan.

9. **Pertanyaan**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pihak Urus Setia melalui e-mel [bpsmem@mohe.gov.my](mailto:bpsmem@mohe.gov.my).

10. **Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.**